



TEKS UCAPAN

**MAJLIS SIDANG MEDIA PELANCARAN
PERTANDINGAN VIDEO KREATIF KEMPEN
HENTIKAN! STOP IT!
DAN
SOAL SELIDIK MENGENAI GANGGUAN SEKSUAL**

**OLEH
YANG AMAT BERTHORMAT
DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

**5 OGOS 2019 (ISNIN)
MASA : 3.00 PETANG
RUANG MAKAN ARAS 21
BANGUNAN KPWKM**

SALUTASI

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

PENDAHULUAN

1. Terima kasih atas kehadiran anda semua ke Majlis Sidang Media Pelancaran Pertandingan Video Kreatif Kempen Hentikan! Stop It! dan Soal Selidik Mengenai Gangguan Seksual pada petang ini.
2. Jutaan terima kasih dan penghargaan juga kepada pihak Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) selaku Urusetia dan semua pihak yang terlibat atas penganjuran Majlis ini.

INISIATIF KEMENTERIAN MELINDUNGI DAN MEMPERKASAKAN WANITA

Hadirin yang dimulihkan,

3. Sebagai Kementerian yang komited untuk meningkatkan martabat wanita di negara ini, kami sentiasa melihat kepada inisiatif yang boleh dilaksanakan bagi menjaga kepentingan wanita.
Oleh itu, pelbagai usaha sedang digiatkan bagi melindungi dan memperkasakan wanita untuk menangani pelbagai bentuk keganasan ke atas mereka, khususnya gangguan seksual.
4. Satu taklimat berhubung cadangan ke arah penubuhan Rang Undang-Undang Gangguan Seksual telah diadakan kepada ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada 16 Julai 2019 di Parlimen.

Sesi taklimat tersebut telah membentangkan cadangan inisiatif pihak Kementerian dalam usaha menggubal rang undang-undang tersebut serta menjadi platform bagi memperoleh maklumbalas daripada semua yang hadir.

5. Namun demikian KPWKM menyedari bahawa isu gangguan seksual turut berlaku kepada lelaki, tidak kira tua atau muda.
6. Oleh itu, usaha untuk menghentikan sebarang bentuk keganasan ke atas wanita ataupun lelaki, termasuk gangguan seksual, memerlukan sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang sebarang bentuk keganasan yang berasaskan *gender* (*gender-based violence*).

PERTANDINGAN VIDEO KREATIF DAN SOAL SELIDIK MENGENAI GANGGUAN SEKSUAL

Hadirin yang dimuliakan,

6. Oleh itu, antara inisiatif yang telah dirancang adalah **Pertandingan Video Kreatif** dan **Soal Selidik Mengenai Gangguan Seksual** yang akan dilancarkan sebentar lagi.
7. Pertandingan Video Kreatif yang bertemakan “**Hentikan! Stop It!**” terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan akan berlangsung selama 2 bulan, bermula 5 Ogos 2019 (hari ini) sehingga 5 Oktober 2019.

Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan penglibatan masyarakat dalam memahami bagaimanakah setiap individu boleh memainkan peranan dalam mencegah sebarang bentuk keganasan, termasuk gangguan seksual.

Kami berharap pertandingan ini akan memberi inspirasi kepada golongan masyarakat, terutamanya anak-anak muda, untuk mencabar pemikiran dalam meningkatkan kesedaran tentang gangguan seksual secara efektif.

8. Kementerian amat menggalakkan penyertaan orang ramai dan maklumat lanjut berkenaan Pertandingan Video Kreatif “Hentikan!, Stop It!” ini boleh didapati di laman sesawang KPWKM dan JPW.

Hadirin yang dimuliakan,

9. **Kajian soal selidik atas talian mengenai gangguan seksual** pula akan berlangsung selama sebulan bermula 5 Ogos 2019 (hari ini) sehingga 5 September 2019.
10. Soal Selidik ini mengandungi **21 soalan** yang akan menyentuh mengenai pemahaman, pengalaman dan cadangan tindakan lanjut yang akan mengambil masa lebih kurang **5 hingga 10 minit sahaja** untuk dijawab. Borang Soal Selidik Mengenai Gangguan Seksual ini boleh didapati di laman sesawang www.kpwkm.gov.my dan www.jpw.gov.my.

PENUTUP

Hadirin yang dimuliakan,

11. Kedua-dua inisiatif ini merupakan satu sesi libat urus inklusif yang mensasarkan semua golongan masyarakat, agar mereka berpeluang mengambil peranan aktif dengan memberi input untuk digunakan dalam penggubalan dasar dan pelaksanaan inisiatif Kerajaan berkaitan isu gangguan seksual.
12. Saya menyeru kepada anda semua dan rakyat di luar sana, berikanlah sokongan dan kerjasama dengan menyertai kedua-dua inisiatif ini.

Sebarkanlah dan sampaikanlah maklumat ini kepada lebih ramai lagi ahli keluarga, rakan-rakan, dan kenalan.

Kita bersama-sama mewujudkan masyarakat yang lebih sopan, matang dan saling menghormati.

Sama-sama kita Hentikan! Stop It! semua jenis gangguan seksual.

Sekian, terima kasih.